



**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR  
45000 KUALA SELANGOR**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang masih sah di bawah kod bidang yang berkaitan serta pemborong juga hendaklah berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja seperti berikut :-

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & TEMPAT TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH & DOKUMEN MULAI DAN TARIKH AKHIR JUALAN DOKUMEN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
1.	PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA UNTUK MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR BAGI TEMPOH 1 TAHUN No.Sebutharga : SH 76/2018	220801 Kawalan Keselamatan (Perlu Lesen KDN)	30.05.2018 (RABU) JAM 9.30 PAGI  BERKUMPUL DI DEWAN SIANTAN, MDKS	Mulai 30.05.2018 Hingga 06.06.2018	RM 53.00	07.06.2018 (jam 12 t/hari)
LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN. SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI DI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN, MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR. NO TELEFON : 03-32891439 / 236						

Bagi lawatan tapak dan sesi taklimat, hanya penama yang tercatat di dalam Sijil **Kementerian Kewangan Malaysia** atau Sijil pendaftaran **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang dibenarkan bagi menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontrak/ syarikat **tidak boleh** mewakili pegawai lain selain daripada penama dalam Sijil tersebut.

Setiap pembelian/permohonan Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi di **di Kaunter Jabatan Kejuruteraan, Majlis Daerah Kuala Selangor** pada waktu pejabat bermula 30 Mei 2018 dengan bayaran seperti yang dinyatakan.

\* *Hanya pemegang lesen atau wakil yang diberi kuasa sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebut Harga.*

Kontraktor perlu mengemukakan salinan **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta satu salinan bagi setiap sijil tersebut semasa menghantar dokumen tawaran sebut harga. Sila kemukakan juga salinan pendaftaran syarikat dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** serta salinan penyata bulanan bank yang terkini (3 bulan) bersama-sama Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang

berlakri dengan mencatatkan No. Sebut Harga serta tajuk dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan oleh Majlis Daerah Kuala Selangor di **Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor sebelum atau pada 07 Jun 2018, jam 12.00 tengahari.**

Dokumen yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Pihak Majlis juga tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran.

.....  
**( Rahilah binti Rahmat A.M.S. )**  
**Yang Dipertua**  
**Majlis Daerah Kuala Selangor**

QS/frh/iklan sh/250518

**Tarikh : hb. Mei 2018**